

29 NOV 2002

KHALID YUNUS BERPINDAH KE KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

KUALA LUMPUR, 29 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Timbalan Menteri Penerangan Datuk Haji Khalid Yunus telah ditukarkan ke Kementerian Pembangunan Usahawan sebagai Timbalan Menteri, berkuatkuasa baru-baru ini.

Katanya pertukaran itu dibuat berikutan wujudnya dua jawatan Timbalan Menteri di Kementerian Penerangan setelah Datuk Zainuddin Maidin dinaikan pangkat daripada jawatan Setiausaha Parlimen kementerian itu baru-baru.

"Dengan itu, kita berpendapat bahawa kita pindahkan Datuk Khalid Yunus ke Kementerian Pembangunan Usahawan dan sebaliknya Setiausaha Parlimen daripada Kementerian Pembangunan Usahawan itu di pindah ke Kementerian Penerangan," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini.

Dengan perubahan itu, Khalid kini menjadi Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan manakala Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan Datuk Rizalman Abdullah menjadi Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan.

-- BERNAMA

AFY MAM RZS LAT